

## **BAB SATU**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 PENYATAAN MASALAH**

Sejarah telah memperlihatkan kerajaan- kerajaan Melayu muncul dan tenggelam dalam proses pesejarahannya. Tidak pernah timbul persoalan sempadan. Tidak kedapatan dua buah kerajaan yang besar wujud dalam satu masa sebelum zaman Melaka. Pada zaman Melaka, wujud beberapa buah kerajaan lain di rantau ini. Umpamanya Aceh di Sumatera, Brunei di Borneo, Mataram di Jawa, Gowa di Sulawesi, Patani di pantai timur Semenanjung dan Kedah di pantai baratnya. Kerajaan-kerajaan ini memperakui kekuatan Melaka dan menjadikan pelabuhan Melaka sebagai tempat perdagangan antarabangsa mereka. Kejatuhan Melaka kepada Portugis, menjadikan kerajaan-kerajaan ini muncul sebagai satu kuasa baru di tempat masing masing.<sup>1</sup>

Di Semenanjung Melayu, Kedah berkembang ke utara di pantai Barat. Manakala Patani di pantai Timur. Di samping itu wujud juga kerajaan Melayu lain selepas keruntuhan Empayar Melaka, seperti Perak dan Kelantan di samping kerajaan tradisional Pahang dan Johor. Tidak lama kemudian muncul pula Terengganu dan Selangor. Pengembangan Kedah dan Patani ke utara, terbatas kerana pertembungan dengan Siam dan Burma yang berkembang arah ke selatan.<sup>2</sup> Siam pernah mengakui seluruh Semenanjung Melayu berada dalam kekuasaannya.<sup>3</sup> Namun pada hakikatnya, kecemerlangan

Melaka telah membataskan perakuan mereka sehingga ke Ligor sahaja. Lama selepas itu baru sampai ke Singgora di pantai timur. Di sebelah pantai barat kelihatan kosong. Ia menjadi rebutan antara Kedah, Burma dan Siam mengikut peredaran masa. Dari segi bukti petempatan orang Melayu yang telah menerokai sampai ke Martaban di sebelah tepi pantai, memperlihatkan pengaruh dan kekuasaan Kedah telah sampai ke sini.<sup>3</sup> Namun kerana bertambah kuatnya Siam dan Burma di kawasan ini telah mengecilkan wilayah Kedah, lebih lebih lagi setelah Siam berjaya menakluki Kedah pada 12 November 1821.<sup>4</sup> Di samping Kedah, Perak juga berkembang di pantai Barat. Tetapi kerana Kedah telah bertapak dan berkuasa di tepi pantai, Perak berkembang pula ke pedalaman dan ke hulu. Di pedalaman, ia bertembong dengan Patani yang berkembang dari pantai timur. Bersama-sama Patani, muncul pula kerajaan Kelantan kemudiannya. Mereka sering bersama-sama dan kadang kala bersaing. Perkembangan setiap kerajaan ini kerana keupayaan pemerintahnya menguasai kerabat dan pembesar, rakyat, hasil pertanian, hasil hasil lain dan laluan jalan perdagangan.<sup>5</sup>

Pada zaman awal penjajahan Barat di sini, tidak timbul masalah persempadanan. Portugis yang bertapak sejak Ogos 1511 dan dituruti oleh Belanda pada 1641 di Melaka tidak pernah mempersoalkan seluas mana wilayah Melaka. Malahan mereka jarang pula keluar dari kawasan bandar Melaka itu sendiri. Mereka lebih mementingkan perdagangan daripada

mempersoalkan urusan persempadanan kerajaan lain.<sup>6</sup> Setelah kedatangan British untuk kali keduanya, barulah persoalan sempadan ditimbulkan. Hal ini kerana mereka bersaing dalam menguasai perdagangan dan pemerintahan tempatan. Mereka juga telah menukar haluan dari semata-mata pedagang kepada penjajah.<sup>7</sup>

Sempadan negeri Melayu yang asalnya bersifat terbuka dan anjal, mula dikejutkan dengan satu konsep persempadanan yang tetap, kekal, dan bersifat membahagi-bahagikan kawasan. Peristiwa ini berlaku pada tahun 1800 apabila Syarikat Hindia Timur Inggeris atau East India Company (EIC), berjaya memujuk Yang Di Pertuan Muda Perlis dan Kedah menyerahkan kawasan yang mereka namakan sebagai Province Wellesley. Terciptalah satu sempadan pertama yang membahagikan kerajaan (negeri) dalam bentuk baru. Pembahagiannya dari tebing ke tebing sungai dan melalui satu rentasan garisan lurus. Terpisahlah sebahagian dari wilayah Kedah kepada Pulau Pinang.<sup>8</sup> Sebelum ini Pulau Pinang sendiri telah terkeluar dari wilayah Kedah. Peristiwa kedua berlaku pada tahun 1824 apabila Kerajaan British dengan Belanda menandatangani perjanjian 17 Mac, yang antara lain telah menetapkan garisan Khatulistiwa sebagai pemisah kawasan kekuasaan mereka di alam Melayu.

Artikel XII berbunyi:

"His Netherland Majesty withdraws the objections which have been made to the occupation of the island of Singapore, by the subjects of His Britannic Majesty.

His Britannick Majesty, however, enggages, that no British Establishment shall be made on the Carimon Isles, or on the

Islands of Battam, Bintang, Lingin or on any of the other Islands south of the Straits of Singapore, nor any treaty concluded by British Authority with the Chiefs of those Islands".<sup>9</sup>

**Persempadanan** ini menjadi pemisah kekal kerajaan Melayu di bahagian selatan Semenanjung. Kerajaan Melayu johor-Riau yang menyambung warisan Kesultanan Melaka telah terbahagi dua; sebuah di Semenanjung , iaitu Kerajaan Johor dan Pahang dengan sebuah lagi di Kepulauan Riau. Bendahara Sri Wak Raja Tun Ali, Pahang menyifatkan perjanjian ini sebagai pemisah antara abang dengan adiknya dan saudara-saudaranya. Tanpa merujuk kepada Kerajaan Melayu yang terlibat pihak **Belanda** dan **British** bertindak membentuk sempadan.<sup>10</sup>

Meskipun pembahagian ini tidak menampakkan pemisahan yang nyata dalam hubungan kekeluargaan pemerintah dan penduduk, namun dari segi politiknya mereka telah terpisah. Kerajaan Melayu Johor dan Pahang, sudah tidak terikat lagi dengan pemerintahan di Riau. Lebih-lebih lagi apabila pembatasan ini terletak di bawah dua kekuasaan kolonial yang menghalang perhubungan antara kedua pihak kecuali dalam urusan kekeluargaan seperti perkahwinan. Maka berkembanglah kerajaan Melayu di dua petempatan ini mengikut perkembangan kekuasaan Belanda dan British.

**Tumpuan kajian** ini adalah di Semenanjung Tanah Melayu bahagian selatan Segenting Kra. Kejayaan British memperolehi sebidang tanah seluas kira kira 84 batu persegi yang dikenali sebagai Province Wellesley telah

merintis penambahan wilayah seterusnya. Kawasan ini diperolehi 14 tahun selepas menduduki Pulau Pinang. British berkembang pula ke Melaka melalui pertukaran dengan Bangkahulu hasil dari perjanjian 17 Mac 1824. Berkembang lagi ke Pulau Dinding dan Pangkor pada tahun 1826. Perjanjian 2 November 1831 telah berjaya memperluaskan lagi kawasan di Province Wellesley kepada 286 batu persegi.<sup>12</sup>

Apa yang dilakukan oleh British di sini sejajar dengan dasar perkembangan perdagangan mereka; dari menguasai pulau yang mengawal kuala dan batang sungai, berkembang ke tanah besar untuk mengawal laluan pula. Akhirnya mereka perlu bertapak ke kawasan pedalaman yang mengeluarkan hasil. Oleh itu mereka berhasrat untuk menguasai kerajaan kerajaan di negeri Melayu.<sup>13</sup>

Lima faktor yang menjamin kekuasaan kerajaan Melayu ialah kerabat dan pembesar, rakyat jelata manusia, hasil pertanian, hasil-hasil lain dan juga jalan laluan perdagangan.<sup>14</sup>

Semua negeri yang terlibat dalam kajian mempunyai ciri yang sama. Kerabat dan pembesar menjadi penentu kepada kekuasaan dan kelemahan sesebuah kerajaan. Sokongan mereka kepada Sultan atau Raja yang memerintah akan memperkuatkan kerajaan tersebut.

✓ Pada zaman "Siapa Kuat, Dia Berkuasa", tenaga manusia yang ramai menjadi harta kekayaan. Rakyat yang ramai akan menjamin kekuatan sesebuah kerajaan. Rakyat membawa hasil dan memberi sumbangan kepada

kerajaan dalam bentuk kesetiaan, cukai (ufti), tenaga, harta, dan kadang-kadang anak isteri serta keluarga. Ada dua kategori rakyat; merdeka dan hamba. Kedua-dua mereka tertakluk kepada peraturan memberi sumbangan kepada pemerintah dan kerajaan. Mereka ini dikawal oleh ketua tempatan yang mengikut pangkat dan kedudukan di mana mereka berada. Keupayaan pembesar/kerabat mengawal rakyat akan menentukan tinggi rendah darjat mereka ataupun luas kecil kawasan pemerintahan dan pengaruhnya.<sup>15</sup>

Hasil Pertanian ialah sumber makanan sesebuah kerajaan. Negeri yang berupaya mengeluarkan hasil makanannya sendiri, akan menjadi sebuah negeri yang makmur dan kuat. Tanaman pertanian utama ialah padi. Dalam kontek kajian, dari Kedah sampai ke Kelantan, semuanya mengeluarkan hasil pertanian padi samada untuk keperluan sendiri atau ekspor.

Semua negeri yang dikaji mempunyai hasil bumi, hutan dan laut. Hasil inilah yang menjadi sumber dagangan. Setiap kerajaan berusaha mengawal hasil-hasil ini daripada jatuh ke pihak lain. Permintaan yang meningkat dan pihak luar dan terhadap hasil mahsul ini menjadikan ia punca konflik dalaman dan juga dengan jiran. Kerajaan Kedah umpamanya terpaksa berhadapan dengan Siam dan Burma di kawasan pantai dan pedalaman utaranya. Perak pula dengan Patani di kawasan hulu dan Kedah di utaranya. Demikian juga dengan Kelantan yang terpaksa bersaing dengan Patani dan kemudiannya dengan Siam bagi menguasai kawasan berhasil di hulu dan pedalaman.

kemudiannya Singapura pengaruh British mesti berkembang. Kawasan yang terhad oleh perjanjian tahun 1824 dengan Belanda dan 1826 dengan Siam telah menjadi tumpuan. Bermodalkan mahu **membantu** pemerintah tempatan yang bermasalah dan **membangunkan** negeri, British mula bertapak ke Perak, Selangor dan Sungai Ujong pada tahun 1874.<sup>17</sup> Fokus utama dalam soal persempadanan ialah Perak. British berusaha mengambil kembali sebahagian dari wilayah Perak yang jatuh ke tangan Reman (Patani) di sebelah hulu melalui satu proses perundingan yang rumit dan memakan masa yang panjang dari tahun 1882-1899. Keputusan perjanjian 29 November 1899 telah memisahkan antara kawasan di bawah pengaruh British di selatan dan di bawah kekuasaan Siam di utara.<sup>18</sup>

Perjanjian tersebut bukan muktamad. Atas dorongan ketidakpuasan hati pegawai British di sini, membuatkan mereka melihat kawasan di utara lagi. Segala permasalahan tempatan dan kegagalan Siam mentadbir negeri-negeri ini menjadi modal untuk mereka menuntut kawasan yang lebih luas lagi. Selepas melalui perundingan kira-kira tiga tahun atas kepentingan masing-masing, akhirnya pada **10 Mac 1909** termeterilah satu lagi **perjanjian sempadan** di Semenanjung Melayu. Ia menjadi **pembahagi** antara kekuasaan **British** dengan **Siam**. Sempadanan ini kekal sehingga sekarang.<sup>19</sup>

Bagi mengekalkan **perdagangan** dengan Barat dan Timur, British perlu **berkembang** di negeri Melayu. Kawasannya terbatas ke utara

dan ke pedalaman Semenanjung Melayu sahaja. Tetapi mereka dihalang oleh Perjanjian Burney pada tahun 1826 dan juga Siam sendiri. Walau bagaimanapun di pihak lain, raja-raja Melayu yang berkuasa di negeri masing-masing telah menghulurkan tangan persahabatan dan perdagangan bagi menjamin kemerdekaan dan kedaulatan kerajaan mereka. Oleh kerana Kedah dan kawasan di utaranya telah jatuh ke tangan Siam, membuatkan British tertumpu ke selatannya di Perak, Selangor, pedalaman Melaka dan juga Johor. British juga berhubung dengan pantai Timur untuk kepentingan perdagangannya.<sup>20</sup>

Masalah British dalam memenuhi jemputan persahabatan ialah syarat memberikan pertolongan menghadapi ancaman musuh dalaman, luaran atau jiran. Umpamanya Perak meminta bantuan mengatasi masalah krisis ketakhtaan dan ancaman dari Selangor. Tetapi EIC (British) tidak mahu campur tangan sehingga Perak ditewaskan oleh Kedah pada tahun 1818. Ini setelah menyedari bahawa hasil dari Perak ke Pulau Pinang kian merosot. Bagaimanapun British terselamat setelah mendapat hasil dari kawasan baru, Patani (walaupun hasil itu sebenarnya dari Perak). Setelah kejatuhan Kedah, hasil dari Patani turut tersekat dan hasil dari Perak kian merosot, maka British mula melihat kembali ke Perak. Tawaran Sultan Perak terhadap Pulau Pangkor dan Pulau Dinding diterima pada Oktober 1826 dan Perak dijamin kemerdekaannya dari ancaman Selangor dan Siam. Usaha Siam untuk berkembang ke Selangor mula disekat.<sup>21</sup>

Tamparan hebat kepada usaha pengembangan British di sini, apabila pihak atasan British di India dan London memilih untuk berbaik-baik dan berdagang dengan Siam. Kapten Henry Burney gagal dalam misi menaikkan semula Sultan Kedah, malahan baginda telah dinafikan haknya untuk tinggal di Pulau Pinang. Selepas itu, Kapten James Low hampir kehilangan jawatan setelah usahanya mendapatkan Pulau Pangkor dan Dinding dipertikai dan tidak diiktiraf.<sup>22</sup> Bagaimana melalui masa akhirnya usaha British di sini mendapat juga sokongan kemudiannya. Peristiwa Kerian tahun 1842-1848, dapat diselesaikan setelah pihak di India sama-sama mendesak Bangkok untuk memaksa Sultan Kedah menyerahkan kembali wilayah itu kepada Perak.<sup>23</sup>

Bagi British jika Perak tidak dibantu, satu lagi jalan laluan hasil ke Pulau Pinang melalui Sungai Kerian akan tersekat atau terputus. Mereka juga yang akhirnya akan rugi. Bersahabat dengan Perak akan menjamin hasil-hasilnya terus ke Pulau Pinang. Lagipun Siam melalui jajahannya Kerajaan Melayu Reman kian bergerak ke hilir dari Hulu Perak. Jadi usaha membantu Perak bukan sahaja tanggungjawab kepada sahabat, malahan untuk menyelamatkan Pulau Pinang dari terus terkepung dengan negeri jajahan Siam (Kedah dan Reman).

Bagi negeri di pantai timur Semenanjung, British tidak pernah membiarkan Siam bebas. Pengeboman Kuala Terengganu pada tahun 1862 kerana usaha Siam meletakkan Raja Bonekanya Sultan Mahmud Lingga,

sedangkan pada masa itu Sultan Baginda Omar sedang bertakhta. Keadaan ini terjadi kerana British mahu meluaskan pengaruhnya, dan Baginda Omar mahu mengekalkan kemerdekaan negerinya di samping berbaik- baik dengan British dan juga Siam. Di Kedah pula, usaha terus dibuat selepas tahun 1848 bagi membetulkan kembali garisan sempadan mereka di Province Wellesley. Beberapa orang Gabenor sebelum Kolonel Harry Ord berusaha memuju Sultan Kedah, tetapi gagal. Harry Ord berjaya atas pertolongan Tan Kim Cheng yang menjadi Konsul Siam dan penasihat peribadi sultan di Singapura. Termeterailah Perjanjian 6 Mei 1869. Sekali lagi satu perluasan kawasan baru untuk Province Wellesley dan kehilangan wilayah kepada Sultan dan kerajaan Kedah.

Perjanjian Pangkor tahun 1874 menjadi asas campur tangan British secara terus. Perluasan wilayah diteruskan ke Selangor dan Sungai Ujong pada tahun yang sama.<sup>24</sup> Usaha mengambil semula kawasan Hulu Perak dimulakan dari tahun 1882 hingga 1887. Tahun 1888, mereka ke Pahang. Penerusan usaha ke Hulu Perak disambung semula selepas Penubuhan Negeri Melayu Bersekutu tahun 1896 dan peristiwa berdarah di Hulu Perak/Reman. Atas perubahan sikap di Bangkok kerana **ancaman Perancis**, dan tekanan kuat dari London, sebahagian tuntutan Perak berjaya, tetapi mereka terlepas negeri Kelantan dan Terengganu sebagai tukaran.<sup>25</sup> Hasil dari rasa tidak puas hati terhadap Perjanjian 1899, Kelantan dan Terengganu dibawa kepada Perjanjian 1902.<sup>26</sup> Permasalahan di sini, di Kedah dan

keperluan British kepada kedua-dua negeri ini kemudiannya menjuruskan usaha-usaha kepada Perjanjian 1909 pula.<sup>27</sup>

British perlukan jirannya sebuah kerajaan yang stabil, guna tenaga yang ramai, hasil pertanian yang banyak bersama hasil-hasil lain yang diperlukan serta keselamatan penggunaan jalan laluan. Demikian juga dengan kerajaan-kerajaan yang menghulurkan tangan persahabatan dengan British. Bagi memastikan kerajaannya kekal, dapat mengeluarkan hasil pertanian dan lain-lain hasil serta mengawal laluan dagangan, mereka perlukan sahabat yang boleh menjaminkannya daripada **ancaman dalaman** apatah lagi luaran.<sup>28</sup> Dalam hubungan politik dan perdagangan, persahabatan ini menguntungkan kedua dua pihak. Tetapi dalam konteks persempadanan yang diwujudkan oleh pihak British dan Siam, ini telah merugikan kerajaan- kerajaan yang terlibat sama ada di Kedah, Perak dan Kelantan. Hal inilah yang telah mendorongkan kajian ini untuk melihat bagaimana pembentukan sempadan terjadi.

## 1.1 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini cuba melihat proses pembentukan sempadan Malaysia-Thailand dan faktor-faktor yang menyumbang terhadap pengwujudannya.

## 1.2 METODOLOGI KAJIAN

Dalam menjayakan kajian ini, sumber-sumber yang digunakan terdiri daripada bahan tradisional iaitu sumber lisan, penulisan Melayu tradisional, catatan pengembara (yang telah dibukukan) dan rekod rekod

pentadbiran.<sup>29</sup> Buku-buku dan artikel digunakan untuk panduan penyelidikan dan penilaian ke atas sistem politik, ekonomi dan sosial tempatan dan juga gambaran kedatangan Barat pada peringkat awal. Sumber-sumber Siam tidak dapat digunakan kerana tidak menguasai bahasa tersebut. Namun maklumat-maklumat tersebut yang telah ditulis kembali ke dalam Bahasa Inggeris telah digunakan. Lawatan ke lapangan dilakukan untuk melihat sendiri perihalnya keadaan tempat, walaupun tidak keseluruhan sempadan dari "Batu Putih", Kuala Perlis ke Kuala Tabal (Tak Bai). Ternyata setelah melihat kuala sungai, hulu sungai, genting dan bukit serta banjaran atau permatang yang menjadi sempadan hari ini adalah tempat-tempat yang menjadi penyambung atau penghubung kepada jalan laluan masyarakat setempat dan pedagang di sepanjang sempadan.

Perbincangan proses pembentukan sempadan, pergantungan kepada bahan tulisan dan laporan pentadbir serta pengembara, surat menyurat antara pembesar dan pemerintah Melayu dengan pegawai British dan kemudiannya dengan Siam. Ini terlihat pada pusingan pertama perjanjian tahun 1800-1831. Semuanya melibatkan tuntutan meluaskan kawasan kerana kepentingan masing-masing. Bagi pusingan kedua, ia dilihat pada usaha Gabenor Kolonel Harry Ord mendapatkan persetujuan Sultan Kedah dalam mendapatkan kawasan tambahan. Oleh kerana pemerintahan atasan Negeri Selat telah bertukar ke London dan berlakunya ketidaksahan perjanjian tersebut, maka untuk pertama kalinya pihak di London berperanan

menjadi perunding dengan kerajaan Siam. Mereka turut dibantu oleh wakil kerajaan British di Bangkok. Walau bagaimanapun persetujuan London dan Bangkok telah ditandatangani oleh pihak British di Singapura dengan wakil khas Siam. Sultan Kedah hanya sebagai pemerhati sahaja.<sup>30</sup>

Perkembangan ke Hulu Perak dan juga untuk keseluruhan persempadanan tahun 1909, memperlihatkan kelebihan peranan London, Menteri Residen di Bangkok dan kerajaan Siam dalam menentukan corak persempadanan. Meskipun pihak di sini yang menyalurkan tuntutan dan maklumat, tetapi keputusan perundingan ditandatangani oleh pegawai-pegawai di London dan Menteri Residen di Bangkok. Apa yang diketengahkan kepada kajian ini tidaklah semata-mata proses perundingan daripada segi surat menyurat sahaja. Tetapi dibincangkan sama penggunaan surat menyurat itu untuk melihat hasrat yang tersirat oleh kedua dua pihak.

Pada peringkat awal, kerajaan Kedah mahu mempertahankan kawasannya kerana ia adalah sumber kepada sistem pemerintahannya. Begitulah juga apabila tugas ini disambungkan oleh British di Province Wellesley, Hulu Perak dan keseluruhan persempadanan juga mahukan apa yang telah dipertahankan oleh Sultan Kedah pada peringkat awal. Bezanyanya kali ini British berhadapan dengan Siam yang dikatakannya telah menjadi **Yang Di Pertuan** kepada kawasan yang mereka tuntut atau pinta. Kesemua perbincangan ini dianalisis daripada bahan yang tersimpan dalam bentuk mikrofilem atau salinan (fotokopi) surat atau laporan dalam fail. Bantuan dari

peta lama dan baru serta tinjauan medan terpaksa dilakukan kerana keperluan kepada pemahaman kedudukan pada nama-nama tempat yang tercatat. Semasa di medan, terdapat juga maklumat lisan perihal persempadanan. Terutamanya di Hulu Perak yang terkenal dengan lagenda Pegawai Daerah dan Majesteret Hurbert Berkeley dalam pengubahan batu sempadan. Namun dari siasatan lanjut kepada rekod rekod, ternyata kurang menyakinkan.<sup>31</sup>

### 1.3 PEMBAHAGIAN BAB

Kajian ini melalui jangkamasa yang agak panjang bermula dari sekurang-kurangnya dari zaman awal Melaka sampai ke tahun 1909.<sup>32</sup> Zaman awal hanyalah untuk melihat asas sesebuah kerajaan bersama-sama kawasannya. Penghuraian ini dilihat pada **bab kedua** melalui pengenalan tentang **sistem kerajaan tradisional Melayu** di selatan Segenting Kra, iaitu **Kedah, Perak dan Kelantan-Patani**. Ia diselami dari penulisan tradisional Melayu yang diwakili oleh Sejarah Melayu, Hikayat Merong Mahawangsa, Salasilah Perlis, Misa Melayu, Hikayat Seri Kelantan, Hikayat Patani dan lain-lain yang berkaitan dengan negeri kajian. Diikuti dengan **bab ketiga** melalui percubaan pertama **sempadan gaya baru** oleh pihak lain: mulanya British dan kemudiannya bersama dengan Siam. Kerajaan Kedah menjadi model apabila wilayahnya Province Wellesley terserah kepada Pulau Pinang. **Bab keempat** menerokai pula ke sempadan **Hulu Perak** dengan **Reman** (Siam). Ia melibatkan pengambilan semula wilayah Perak yang ditawan oleh Reman yang

kemudiannya tertakluk kepada Siam. Pada **bab kelima** pula bagi seluruh **sempadan negeri Melayu dengan Siam** yang diwakili oleh Kelantan, Perak, Kedah dan Perlis. Maka terbentuklah sempadan yang hari ini dikenali sebagai **sempadan antarabangsa bagi Malaysia dan Thailand**. Bab keenam melihat kepada **pengukuran, penentuan dan penandaan** di atas tanah terhadap persetujuan **sempadan** yang dicapai. Di sini, sekali lagi diperlihatkan ketidaksefahaman apabila masing masing pihak cuba mendapatkan "kelebihan" dari kecaburan perkataan atau ayat perjanjian. Hal "kabur" ini terjadi pada setiap kali perjanjian. Akhirnya **bab ketujuh**, penutup yang menyimpulkan seluruh perbincangan kajian ini.

#### 1.4 KAJIAN TERDAHULU

Banyak kajian yang melibatkan konflik sempadan telah dibuat tetapi tidak merujuk ke kawasan kajian ini. Ia lebih merupakan permasalahan semasa seperti yang berlaku di antara India dengan jiran-jiran sekelilingnya ataupun antara Thailand dengan jiran-jirannya termasuk Malaysia. Penulisan terhadap kawasan kajian ini banyak menjurus kepada perakuan perhubungan antara Kerajaan Melayu dengan Siam. Antaranya kajian Thamsook Numnonda dengan tajuk **The Anglo-Siamese Negotiations 1900-1909<sup>33</sup>** dan **The Development of North Western Malay States of Malaya (1909-1941)<sup>34</sup>** Kedua-dua kajian ini adalah tesis Ph. D., dan MA beliau. Meskipun tajuknya memperlihatkan pengertian hampir sama dengan apa yang sedang dikaji, tetapi

penekanan Thamsook bukan kepada persempadanan. Beliau lebih melihat kepada masalah hubungan Inggeris-Siam di negeri Melayu yang mendorong kepada campur tangan Inggeris kemudiannya.

Bagi beliau, tekanan yang kuat dari sebelah Inggeris untuk campur tangan dan bertapak di negeri-negeri tersebut dan keperluan Siam kepada pinjaman untuk membina jalan keretapi dan mendapatkan kembali hak Extraterritoriality ke atas rakyat British di Siam menyebabkan berlakunya pemindahan kuasa ke atas kerajaan-kerajaan Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan kawasan tuntutan Perak di hulu. Perbincangan mengenai rundingan penyerahan<sup>35</sup> bukan dilihat dari sudut persempadanan tetapi kepada penyerahan kerajaan dengan wilayahnya yang diubahsuai kerana kepentingan tertentu. Beliau mengakhiri kajian dengan kekecewaan kedua belah pihak kerana kegagalan hasil rundingan dan perjanjian.

Selain daripada beliau ialah Kobkua Suwannathat-Pian dengan kajiannya **The Thai-Malay Relations, Traditional Intra-Regional Relations From the Seventeenth to the Early Twentieth Centuries** dan kajian lainnya, **Sejarah Thai Zaman Bangkok**,<sup>36</sup> menggambarkan perihal perhubungan antara kerajaan Melayu terutamanya Kedah, Kelantan dan Patani dengan kerajaan Siam. Tidak menyentuh tentang persempadanan. Walau bagaimanapun kedua-dua penulisan ini dapat memberi satu gambaran baru tentang hubungan ini dari kaca mata Siam. Beliau juga menggambarkan tentang kegagalan sistem pemerintahan kerajaan Melayu menyebabkan mereka terpaksa mencari

penekanan Thamsook bukan kepada persempadan. Beliau lebih melihat kepada masalah hubungan Inggeris-Siam di negeri Melayu yang mendorong kepada campur tangan Inggeris kemudiannya.

Bagi beliau, tekanan yang kuat dari sebelah Inggeris untuk campur tangan dan bertapak di negeri-negeri tersebut dan keperluan Siam kepada pinjaman untuk membina jalan keretapi dan mendapatkan kembali hak Extraterritoriality ke atas rakyat British di Siam menyebabkan berlakunya pemindahan kuasa ke atas kerajaan-kerajaan Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan kawasan tuntutan Perak di hulu. Perbincangan mengenai rundingan penyerahan<sup>35</sup> bukan dilihat dari sudut persempadan tetapi kepada penyerahan kerajaan dengan wilayahnya yang diubahsuai kerana kepentingan tertentu. Beliau mengakhiri kajian dengan kekecewaan kedua belah pihak kerana kegagalan hasil rundingan dan perjanjian.

Selain daripada beliau ialah Kobkua Suwannathat-Pian dengan kajianya **The Thai-Malay Relations, Traditional Intra-Regional Relations From the Seventeenth to the Early Twentieth Centuries** dan kajian lainnya, **Sejarah Thai Zaman Bangkok**,<sup>36</sup> menggambarkan perihal perhubungan antara kerajaan Melayu terutamanya Kedah, Kelantan dan Patani dengan kerajaan Siam. Tidak menyentuh tentang persempadan. Walau bagaimanpun kedua-dua penulisan ini dapat memberi satu gambaran baru tentang hubungan ini dari kaca mata Siam. Beliau juga menggambarkan tentang kegagalan sistem pemerintahan kerajaan Melayu menyebabkan mereka terpaksa mencari

perlindungan Siam. Di samping itu digambarkan juga betapa aman dan berjayanya kerajaan Kedah dalam pengekalan sistem berajanya setelah ditakluki oleh Siam.

Demikian juga dengan penulisan lain seperti **Siam Under Rama III 1824-1851**, oleh Walter F. Vella, mengemukakan satu bab khas tentang hubungan kerajaan Melayu-Siam sejak perakuan penaklukan Siam pada akhir abad ke-13 di Semenanjung Melayu.<sup>37</sup> Penulis dan penyelidik lain yang membicarakan tentang kawasan negeri Melayu, khususnya di Patani-Kelantan ialah Mohd Zamberi A. Malek, Surin Pitsuwan, Dulyakasem Uthai,<sup>38</sup> dan Chulasiriwongs Chayachoke. Hanya Chulasiriwong yang ada mengetengahkan tentang perbincangan perundingan sempadan di Hulu Perak/Reman. Beliau menyentuh tentang hubungan dua hala British-Siam ke atas kerajaan Melayu pada tahun 1880-1899. Sejajar dengan masa kajiannya, peristiwa konflik di Selama tahun 1882-1884 dan usaha-usaha untuk mengambil semula wilayah Perak di sebelah hulu dari Reman menjadi sebahagian darifokus kajian beliau.<sup>39</sup> Dari kajian ini dapatlah dibuatkan perbandingan dengan laporan daripada pihak pentadbir British di sini terhadap sesuatu peristiwa yang berlaku di kawasan pertikaian. Apa yang kelihatan ialah perbezaan **cerita** antara Siam dengan British terhadap sesuatu peristiwa itu.

Dari segi sumber bahan kajian, Mohd Zamberi dan Surin Pitsuwan menggunakan sumber tradisional tempatan dan rekod British. Sementara yang lainnya bergantung hampir sepenuhnya kepada sumber

tempatan Siam. Mereka merujuk kepada sumber dan rekod British untuk perbandingan kenyataan sahaja. Bagi penulisan yang bercorak tempatan dan menggambarkan kawasan sempadan bersama-sama dengan perkembangan kerajaan-kerajaan Melayu ramai ditulis oleh pentadbir British dan pengkaji sejarah serta bahasa dan kesusasteraan Melayu. Mereka menulis sejarah tempatan dan menyentuh tentang tempat-tempat yang menjadi sempadan tradisional dan juga sempadan hari ini. Maka dapat mereka menggambarkan secara umum kedudukan tempat yang menjadi sempadan tradisional kerajaan atau negeri yang dikaji. Keseluruhannya menggambarkan persempadanan di sebelah tepi laut sahaja. Sedikit sangat tentang sempadan di pedalaman atau di hulu.

Misalnya sempadan tradisional Kedah, ialah dari muara sungai Trang menuju ke selatan sehingga ke sungai Kerian. Kedudukannya pada muka bumi ialah pada Garis Lintang 7 20' U hingga 5 10' U. Ia menganjur sepanjang kira-kira 150 batu<sup>40</sup>. Ini bukanlah sempadan yang tetap kerana Kedah pernah memperakui kawasannya sampai ke Pulau Ujong Salang (Junk Ceylon/Phuket). Malahan ada juga perakuannya lebih jauh ke utara lagi di Laut Andaman sehingga ke Mertaban (Moulmein) di Burma.<sup>41</sup> Di selatannya, Kedah mengakui memiliki wilayah sampai ke Kurau. Sempadan di pedalaman tidak jelas. Tetapi ada kenyataan Kedah pernah sampai menguasai wilayah pedalaman Patani di Chenak, Reman dan Tiba di kawasan Songkhla dan Yala hari ini<sup>42</sup>. Namun daripada catatan perjanjian tahun 1909, memperakui bahawa

Kedah kehilangan kawasan Sadao dan wilayah Kubang Pasu kepada Siam.

Bagi sempadan tradisional Perak pula, bagi kawasan di tepi pantai dicatatkan sebagai bermula dari Sungai Kerian di utara hingga ke Sungai Bernam di selatan pada jarak anggaran sejauh 100 batu.<sup>43</sup> seperti Kedah, Perak juga memperakui kawasannya lebih luas dari itu. Perak pernah memperakui, di sebelah utara sampai ke Batu Kawan di Seberang Perai hari ini dan di sebelah selatan sampai ke Sungai Angus (Tanjung Angus) di kawasan Sungai Besar, daerah Sabak Bernam. Manakala di kawasan pendalam dan hulunya dikatakan sampai ke Tapong, Gunung Jambul Merak, Padang Limau Nipis, Lobang Gondang dan Gunung Inas yang membatas negeri ini dengan Patani dan Kedah.<sup>44</sup>

Bagi sempadan tradisional Kelantan pula tidak jelas kerana kewujudannya sering dibayangi oleh Patani dan Terengganu. Namun semasa penyatuhan Kelantan oleh Long Yunus, kawasan Kelantan itu digambarkan bermula dari **Pacakan** kira-kira sebatu ke kanan dari Kuala Besut, Terengganu sampailah ke Sungai Barana (Berana) atas dari Belawan dalam daerah Narathiwat hari ini.<sup>45</sup> Kawasan pendalamannya tidak pasti dan kabur. Apa yang pasti banjaran Titiwangsa telah menjadi pemisah bagi kerajaan di negeri Melayu. Demikian juga dengan persempadanan Patani. Kebanyakan catatan menggambarkan bersempadan dengan Kelantan di selatan dan Singgora di utara. Pedalamannya dengan Perak dan Kedah.

## **1.5 MASALAH KAJIAN**

Masalah dalam menjayakan kajian ini melibatkan beberapa perkara. Pertamanya kajian sebelum ini yang berkait dengan persempadanannya banyak tertumpu kepada konflik di persempadanan. Jarang memberi penekanan tentang proses kepada pembentukan sempadan itu. Keduanya kepada bahan yang tidak sekumpul pada satu tajuk. Ia terdapat dalam pelbagai bentuk laporan, surat menyurat dan kadang kadang dalam berita lawatan. Ketentuan tempat pada lapuran juga menimbulkan masalah kerana kebanyakannya menyebut kawasan sempadan sahaja tanpa menyebut nama tempat. Jika ada sebutan nama Melayu, setengahnya telah ditukar oleh Siam kepada maksud nama mereka. Contoh mudah tentang nama Pulau Ujong Salang dicatat oleh British sebagai Junk Ceylon dan Siam pula Phuket. Ataupun nama bagi Ligor bertukar kepada Nakhon Si Thammarat. Demikian juga dengan banyak maklumat-maklumat berkenaan kerajaan Melayu telah diubahsuai atau dinafikan oleh Siam.<sup>46</sup>

Ketiganya tentang konsep sempadan tradisional. Apakah kerajaan Melayu mempunyai sempadan negeri atau hanya kawasan sahaja. Apakah kawasan lebih diutamakan ataupun penduduknya. Melalui penelitian ke atas penulisan tradisional, dan perbandingan dengan rekod kemudiannya, dibuatkan satu kesimpulan bahawa kerajaan Melayu tradisional mempunyai kawasan, mengutamakan penduduk dan tidak ada kepastian ketetapan pada garis sempadan. Garis sempadan mengikutlah keadaan kuat lemahnya kerajaan

tersebut berbanding dengan jirannya. Kuat kerajaan, lebih kuasanya berkembang, maka luaslah kawasannya. Demikianlah sebaliknya. Semuanya berubah setelah kedatangan penjajahan Inggeris ke negeri Melayu. Lebih-lebih lagi setelah mereka bersaing dengan musuh perdagangan dan politik mereka. Maka hilanglah kedaulatan kerajaan Melayu bersama-sama kawasannya. Malahan yang lebih besar lagi kehilangan kepada lima sumber kekuatan dan keagungan kerajaan tersebut yang diringkas kepada sistem politik, ekonomi dan sosial.<sup>47</sup>

## 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Dari segi kepentingannya, kajian ini memperlihatkan satu penemuan baru dalam persejarahan di negeri Melayu dan juga hubungan kemudiannya kepada kerajaan-kerajaan yang terlibat dengan jiran mereka, Siam. Setelah sekian lama kajian banyak berkisar kepada permasalahan di sempadan, kajian ini membawa satu contoh kepada proses bagaimana persempadanan itu telah diwujudkan. Kesan kewujudan itulah yang menjadi permasalahan. Dalam konteks persempadanan di dalam kajian ini, didapati permasalahan yang terpaksa dihadapi oleh kedua-dua kerajaan Malaysia-Thailand di kawasan bersama ialah ketidakterimaan penduduk tempatan terhadap garis sempadan tersebut. Masyarakat Melayu Patani di pantai timur terpisah dengan masyarakat Melayu Kelantan. Demikian juga masyarakat Melayu Setol terpisah dengan masyarakat Melayu Kedah. Sedangkan pada realiti sejarahnya, mereka adalah masyarakat Melayu Kelantan-Patani di

pantai timur dan Melayu Kedah di pantai barat.

## NOTA KAKI

1. Di zaman keagungannya, Melaka mendominasikan negeri sekelilingnya. Kekalahan Melaka menjadikan mereka penerus kepada warisan Melaka. Dalam perkembangan ini, mereka bersaing sesama sendiri untuk menguasai kawasan. Misalnya Patani di pantai timur, Acheh berkembang ke pantai barat Semenanjung di Perak dan Kedah. Meskipun Acheh berupaya menakluki Perak dan Kedah, kerajaan kedua-dua negeri itu tidak terjejas dan tidak pula mengecilkan sempadannya. Apabila kekuasaan Acheh berakhir, Kedah pula berkembang lagi ke utaranya.
2. Siam dan Burma saling berkembang antara satu sama lain di kawasan persempadan bersama. Sejarah perang mereka yang memanjang menjadikan kawasan dari Tennasserim di selatan sehingga ke Chiengmai di utara sering bertukar ganti penguasaannya. Semasa perang dan krisis ini jugalah Kedah mencelih apabila salah sebuah atau kedua-duanya lemah. Keadaan ini menjadikan Kedah berupaya sampai ke Moulmein (Martaban), atau sekurang-kurangnya sehingga Mergui pada kurun ke 18. Kemunculan Dinasti Chakri di Siam dan krisis ketahaan yang tidak berkesudahan di Kedah menyebabkan kawasan ini secara perlahan-lahan jatuh ke tangan Burma dan Siam.
3. Kenyataan ini ada tercatat dalam **Sejarah Melayu**, apabila Temagi yang berkuasa di Singapura dikatakan sebagai wakil Raja Siam (Ligor). Lihat **Sejarah Melayu or 'Malay Annals'**, terjemahan C.C. Brown, **JMBRAS**, Vol. 25, Pt. 1 and 2, 1952, hal. 30. Lihat sama perbincangan David K. Wyatt, "Mainland Powers on the Malay Peninsula AD 1000-1511", dalam **Studies in Thai History, Collected Articles by D.K. Wyatt**, Chiang Mai, Silkworm Books, 1994, hal. 22-48. Lihat sama pengarang-pengarang lain tentang hubungan Siam-negeri Melayu dalam kajian ini seterusnya.
4. Pengaruh bahasa Melayu loghat Kedah dan adat resam Melayu Kedah sampai hari ini kekal dikalangan orang Melayu di kawasan yang Kedah pernah bertapak. Ia juga berkembang dikalangan masyarakat asli di kawasan pulau-pulau Laut Andaman. Lihat Walter Grainge White, **The Sea Gypsies of Malaya, An Account of Nomadic Mawken People of the Mergui Archipelago With Their Description of Their Ways of Living, Customs, Habits, Boats, Occupations, etc**, London, Seeley Service, 1922., dan Leopold Ainsworth, **A Merchant Venturer Among the Sea Gypsies**, London, Nisbet & Co., 1931. Kajian medan sehingga ke Pulau Dua (Victoria Point) di tenggara Burma memperakui kenyataan di atas. Penyelidik telah sampai ke kawasan ini pada April 1992 dan juga pada November 1993. Diberi tahu oleh penduduk tempatan bahawa terdapat sebanyak 41 buah kampong tradisional Melayu dari Pulau Dua ke Mergui dengan jumlah penduduknya

melebihi 30, 000 orang yang lengkap dengan mesjid dan sekolah Melayu dan agama. Hanya tekanan rejim sosialis dan junta tentera sahaja yang telah mengurangkan aktiviti keagamaan. Lihat sama laporan bertulis Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah yang melakukan lawatan ke Selatan Thai dan juga ke Victoria Point pada tahun 1987 yang diberi judul **Air Sejuk**.

5. Sehingga kepada zaman Sultan Ahmad Tajuddin II (1804-1845) Kedah masih berkuasa sampai ke Trang dan Pulau Telibong. Apabila kalah dalam perang pada tahun 1821, wilayah Kedah hanya tinggal setakat Lunggu sahaja. Kemudian daripada itu atas ganjaran mendapatkan kembali takhtanya, wilayah Kedah telah dipecah- pecahan kepada Setol, Perlis, Kubang Pasu dan Kedah sendiri. Antara kerajaan ini tidak lagi tertakluk kepada kekuasaan Kedah, tetapi bebas memerintah bersendirian dengan memperakui kedaulatan Siam.
6. Inilah lima faktor yang dapat dijadikan asas untuk melihat kuat dan lemahnya sesebuah kerajaan Melayu. Kuatnya kerajaan, luaslah wilayahnya. Demikianlah sebaliknya. Di sini dapat dilihat, kuasa dan kawasan sempadan itu bergerak sama. Kuat kuasa, berkembanglah kawasannya. Biasanya diperakui oleh pihak jiran atau musuh.
7. Lihat L.A. Mills, **British Malaya 1824-67, JMBRAS**, Vol. 33, Pt. 3, 1960, (No. 191), hal. 1-3.
8. Pembahagian kawasan dunia ini telah bermula dari Perjanjian Tordesillas (Treaty of Tordesillas) pada tahun 1494 bilamana "Pope's Line" telah diwujudkan sepanjang garisan setengah bulatan dunia (meridian) 370 leg (leagues) barat dari Cape Verde Islands untuk membahagikan dunia ini kepada milik Sepanyol dan Portugis. Lihat Lee Yong Leng "Offshore Boundary Disputes in Southeast Asia", **JSEAS**, Vol. 10, Pt. 1, 1979, hal. 176.
9. Lihat perbincangan lanjut pada bab 3.
10. Lihat **A Collection of Treaties, Engagements, and Sunuds, The Treaties & C, Relating to Bengal, Burmah and the Eastern Archipelago**, Calcutta, Printed by Savielle and Cranenburgh, 1862, hal. 231-251.
11. Satu perkara yang dapat diperlihatkan di sini banyak daripada perjanjian yang diperbincangkan, jarang sekali pihak British dan Siam membuat perundingan dan mengambil kira pandangan raja-raja Melayu. Mereka berunding semata-mata kerana kepentingan mereka. Pada peringkat kemudiannya dengan alasan untuk menyelamatkan negeri dan kerajaan Melayu. Luahan rasa hati Bendahara Tun Ali, lihat Haji Buyong Adil, **Sejarah Pahang**, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984, hal. 122.

12. Perjanjian sempadan Melaka-Rembau pada 9 Januari 1833, dan perjanjian sempadan dengan Johol pada 15 Jun 1833. Lihat **A Collection of Treaties, Engagements and Sunnuds**, Op. Cit., hal. 285-286. Lihat sama Thomas Braddell, "Map of Malacca", **JIAEA**, Vol. 1, Siri 2, 1856, hal. 296-300, menggambarkan perjanjian sempadan dengan Johol pada 26 Ogos 1833. Walaupun terdapat perbezaan tarikh, hakikatnya wilayah British di Melaka kian bertambah.
13. Jika melihat kepada lama masa (1786-1909) dengan keluasan Semenanjung yang dijajah oleh British berbanding dengan apa yang diperolehi oleh Belanda di kepulauan Indonesia, ataupun Perancis di Indo China, ternyata British mendapat kawasan yang lebih kecil berbanding dengan mereka.
14. Kajian umum tentang sistem kemasyarakatan Melayu, terutamanya di pantai barat Semenanjung, lihat J.M. Gullick, **Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat**, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970, (terjemahan). Lihat juga pengarang yang sama, **Malay Society, in the Late 19th Century, The Beginning of Change**, Singapore, Oxford University Press, 1987, Khoo Kay Kim, **Malay Society, Transformation & Democratisation, A Stimulating and Discerning Study on the Evolution of Malay Society Through the Passage of Time**, Petaling Jaya, Pelanduk Publication, 1991.
15. Peranan rakyat dalam menyediakan guna tenaga kepada kerajaan begitu besar sekali. Ini dapat dilihat daripada penulisan berbentuk tradisional sehingga kepada penulisan pihak Barat (British) yang datang ke sini pada zaman awal penjajahan lagi.
16. Pada hakikat sebenarnya Siam tidak berupaya untuk berkuasa dengan sepenuhnya di kawasan selatan (Semenanjung Melayu). Di pantai timur, ia menggunakan kekuasaan Ligor. Manakala kawasan pantai barat terbiar kosong, kecuali bagi penempatan di Ujong Salang. Kedatangan penjajahan British yang memperakau pertuanan Siam di sini telah menyelamatkan keadaan. Misalnya bagi kawasan Ranong. Beberapa tahun sebelum ketibaan J.H. Moor (1826), kawasan ini telah digambarkan sebagai koloni Melayu. Namun kemudiannya, atas muslihat politik dan perdagangan, kawasan ini telah dimajukan oleh Khaw Soo Cheang dan keluarga dengan memperakui ketuanan Siam. Lihat perkembangan keluarga ini dalam **Family and State, The Formation of a Sino Thai Tin Mining Dynasty**, oleh Jennifer W. Cushman, (ed.), Craig J. Reynolds, Singapore, Oxford University Press, 1991, bab 1 dan 2, hal. 1-55. Manakala di Patani, Perjanjian Burney pada 20 Jun 1826 pada Artikel pertama secara tidak langsung memperakui penaklukan Siam ke

atasnya. Manakala Artikel sepuluh pula mengesahkan Patani wilayah Siam. Penaklukan ke atas Kedah diiktiraf oleh Artikel 13. Lihat J. de V. Allen, A.J. Stockwell, L.R. Wright., (ed.) **A Collection of Treaties and Other Documents Affecting the States of Malaysia 1761-1963**, Vol. 2, London, Oceana Publications, Inc., 1981, hal. 312-320.

17. Inilah "modal" yang digembar gemburkan oleh British dalam proses penjajahan mereka. Tetapi sebenarnya kerana "....to exclude foreign powers from the area for strategic and commercial reasons". Lihat perbincangan seterusnya. Petikan ini dari tulisan C.N. Crisswell, "The Origins of the Limbang Claim", **JSEAS**, Vol. 2, Pt. 2, 1971, hal. 218.
18. Proses perundingan yang memanjang (memakan masa panjang dalam dua kali perundingan) kerana kedua dua pihak tidak mahu beralih terhadap kepentingan yang sama di kawasan pertikaian. British melihatkan potensi lima perkara untuk kepentingan perdagangannya, manakala Siam pula tidak mahu kehilangan perkara yang sama dari pegangannya. Negeri Perak yang berharap dan Reman yang mahu mempertahankan (haknya), menanti dengan penuh harapan kerana mereka sudah tertakluk/terjajah. Beginilah juga urutan kepada perjanjian seterusnya.
19. Perjanjian ini memisahkan pula Semenanjung Melayu dari Segenting Kra ke Tanjung Rumenia kepada kekuasaan Siam dan penjajahan British. Jika sebelum ini, perjanjian pada tahun 1824, telah memisahkan kawasan Melayu di garisan Khatulistiwa. Walaupun perjanjian ini ditandatangani oleh pihak British dengan pesaingnya, namun yang menerima kesannya ialah kerajaan, negeri dan orang Melayu. Terpaksa menerima pemecahan dan perpisahan sesama sendiri kerana kepentingan pihak lain.
20. British masuk melalui tiga arah: Pulau Pinang, Melaka dan Singapura. Tumpuan mereka kepada kawasan sekeliling penempatan ini bagi mendapatkan hasil mahsul/barang dagangan. Sehingga tahun 1874, hubungan lebih tertumpu kepada perdagangan dan persahabatan setelah berlaku Perang Naning pada tahun 1831.
21. Perjanjian EIC dengan Perak pada 18 dan 25 Oktober 1826 dan dengan Selangor pada 20 Ogos 1825 dapat dilihat dalam W.G. Maxwell and W.S. Gibson, (ed.), **Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo, England**, Suffolk Lane, 1924, hal. 23-27 dan 32-34.
22. Memang selalu terdapat percanggahan pandangan dan tindakan antara pentadbir British di sini dengan pihak atasan mereka. Hal ini bukan sebagaimana perihal di atas sahaja, malahan pada masa seterusnya. Misalnya

tindakan mengebom Kuala Terengganu pada tahun 1862, menyebabkan Gabenor Kolonel Gavenagh telah diberi amaran oleh pihak atasannya.

23. Lihat bab 3.

24. Perbincangan mengenai campur tangan British ini, antaranya: C.C. Cowan, **Nineteenth Century Malaya: The Origins of British Political Control**, London, Oxford University Press, 1961., D. MacIntyre, **Op. Cit.**, Wang Gungwu, "1874 in Our History", **Peninjau Sejarah**, Vol. 1, No. 1, Jul. 1966, hal. 12-16., E. Chew, "The Reasons for British Intervention in Malaya: Review and Reconsideration", **JSEAH**, Vol. 6, Pt. 1, 1965, hal. 81-93., Khoo Kay Kim, "The Origin of British Administration in Malaya", **JMBRAS**, Vol. 39, Pt. 1, 1966, hal. 52-91.

25. Lihat bab 4 dan 5.

26. Ira Klien, "British Expansion in Malaya, 1897-1902", **JSEAH**, Vol. 9, Pt. 1, hal. 53-68.

27. R. Sankaran, "Prelude to the British Forward Movement of 1909", **Peninjau Sejarah**, Vol. 1, No. 2, Dec. 1966, hal. 24-41. Lihat sama penjelasan lanjut bab 5.

28. Masalah ketakhtaan tempatan yang sentiasa bergolak kerana ramai sangat anak-anak Raja merasakan mereka layak untuk menjadi Sultan, walaupun waris sebenar (pengganti sultan) telah ditentukan. Hal ini, lihat perbincangan Barbara Watson Andaya, "The Role of the Anak Raja in Malay History: A Case Study From Eighteenth-Century Kedah", **JSEAS**, Vol. 7, Pt. 2, 1976, hal. 162-186.

29. Tidak semua sumber lisan didapati terus dari pencerita kerana ramai yang telah meninggal dunia. Kebanyakannya dipetik daripada kajian pihak sebelum ini yang bercorak tempatan seperti Kajian Ilmiah dan Tesis.

30. Lihat bab 3.

31. Lagenda pengubahan batu sempadan ini sampai sekarang diceritakan oleh orang tua-tua yang mengetahui. Namun banyak yang tidak menasabah. Sebahagian yang telah direkodkan, lihat Ahmad Atory Hussain, **Sejarah Hulu**

**Perak Dari tahun 1880-1941**, Latihan Ilmiah, Kuala Lumpur, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1974, hal. 14-36.

32. Hanya jangkamasanya sahaja yang panjang iaitu dari zaman Melaka (sekurang-kurangnya). Ini kerana mengambil kira bahan penulisan tradisional yang digunakan iaitu **Sejarah Melayu** dan **Hikayat Hang Tuah**. Sedangkan pada kenyataannya, kes persempadanan bermula sejak pembukaan Pulau Pinang pada tahun 1786 dan pengambilan Province Wellesley pada tahun 1800. Jadi pada keseluruhan jangkama masa sebenar yang diliputi dari persekitaran di atas sehingga tahun 1913 setelah selesainya penandaan sempadan untuk kira-kira 127 tahun atau lingkungannya.
33. Thamsook Numnonda, "Anglo-Siamese Negotiation 1900-1909", Tesis Ph. D., London, University of London, 1966.
34. Thamsook Ratanapan, The Development of North Western Malay States of Malaya (1909-1941), Tesis MA, Hong Kong, University of Hong Kong, 1961.
35. Thamsook Numnonda, Op. Cit., terutamanya sebahagian bab empat, hal. 193-207.
36. Kobkua Suwannathat-Pian, **Sejarah Thai Zaman Bangkok**, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, terutama bab tiga, hal. 62-95. Bagi kajian **The Thai-Malay Relations, Traditional Intra-Regional Relation From Seventeenth to the Early Twentieth Century**, Singapore, Oxford University Press, 1977, lihat bab tiga hingga lima, hal. 66-204.
37. Walter F. Vella, **Siam Under Rama III 1824-1851**, New York, J.J. Augustin Incorporated Publisher, 1957, bab lima hal. 59-77.
38. Kajian Mohd. Zamberi, Surin Pitsuwan dan Dulyakasem, lebih tertumpu kepada Kerajaan Melayu Patani dalam perkembangan sejarahnya sehingga penaklukan Siam dan kesannya sehingga sekarang. Lihat senarai pada buku rujukan.
39. Chulasiriwongs, Chayachoke, "Thai-British Relations Concerning the Southern Malay States, 1880-1899", Thesis Ph. D., Ohio, Ohio University, 1980, terutama bab tiga hingga lima, hal. 122-326.
40. Inilah kedudukan tempat yang menjadi sempadan Kedah sebagaimana yang digambarkan oleh J. Anderson, **Op. Cit.**, hal. 40, T.J. Newbold, **Political and**

**Statistical Account of British Settlement in the Straits of Malacca**, Vol. 2, London, 1839, diterbit kembali oleh Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1971, hal. 2, J.H. Moor, **Notices of the Indian Archipelago and Adjacent Countries**, Singapore, 1837, dicetak kembali, London, Frank Cass & Co. Ltd., 1968, hal. 242, H. Malcom, **Travel in South Eastern Asia, Embracing Hindustan, Malaya, Siam and China etc.**, Vol. 2 Boston, Gould, Kendall and Lincoln, 1839, hal. 102, Muhammad Hassan bin To' Kearani Mohd Arshad, **Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah**, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968, hal. 22 (edisi rumi), (selepas ini digunakan M. Hassan To' kerani) dan R. Bonney, **Kedah 1771-1821: The Search for Security and Independence**, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1971, hal. 4. Namun beliau tidak bersetuju dengan tempat di Trang tetapi ke selatan lagi di Sungai Oopih dekat Teluk Awan di Lembah Sungai Trang pada GL 7 5' U.

41. Lihat kembali NH 16, Lihat sama M. Hassan To' Kerani, **Op. Cit.**, hal. 121-124.
42. Lihat Zaharah Haji Mahmud, "The Development of the State of Kedah up to 19th Century", **Conference of the International Association of Historians of Asia (IAHA)**, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 5-10 Ogos 1968, hal. 4.
43. Sempadan di Sungai Kerian dan Sungai Bernam ditetapkan oleh Inggeris di Pulau Pinang. Walaupun tidak ada perjanjian rasmi, tetapi dari perakuan perakuan perjanjian antara Pulau Pinang dengan Kedah pada tahun 1800 dan 1831 memperakui sendiri selatan dari Sungai Kerian itu wilayah Perak. Bagi sempadan di Sungai Bernam, lihat Artikel 1, Perjanjian 6 September 1825, antara Sultan Perak, Sultan Abdullah Maalum Shah (1825-1830) sultan ke 20 dengan John Anderson Agen Robert Fullerton, Gabenor Pulau Pinang, dalam **A Collection of Treaties, Engagements and Sunnuds**, **Op. Cit.**, hal. 266-267 dan W.G. Maxwell and W.S. Gibson, **Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo**, **Op. Cit.**, hal. 22-23.
44. Sempadan Perak sampai ke Sungai Angus, lihat surat Sultan Perak kepada Gabenor Pulau Pinang Robert Fullerton, dalam laporan Political Agents to the Siamese States, 1 Ogos 1825 dalam **The Burney Papers**, Vol. 1, Pt., Bangkok. Vajirana National Library, 1923, hal. 698-699. Sempadan Perak sampai ke Batu Kawan, lihat B.W. Andaya, **Perak, The Abode of Grace. A Study of an Eighteenth-Century Malay State**, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1979, hal. 281. Manakala persempadan di Hulu Perak, lihat Raja Razman bin Raja Abdu Hamid dan rakan menulis **Hulu Perak**

**Dalam Sejarah**, Ipoh, Regina Press, 1963, ha.9. Haji Buyong Adil. **Sejarah Perak**, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1972, hal. 9. dan W.E. Maxwell " A Journey on Foot to the Patani Frontiers in 1876. Being a Journal Kept During an Expedition Under Taken to Capture Datoh Maharaja Lela of Perak", **JSBRAS**, No. 9, 1882, hal. 94-95. Lihat sama E.W. Birch "My Trip to Belom", **JSBRAS**, No. 54, 1909, hal. 117-135.

45. Lihat J.H. Moor, **Op. Cit.**, hal. 245, Lihat juga H. Malcom, **Op. Cit.**, hal. 106. Kedua-dua pengarang ini meyebut Besut sebagai sempadan Kelantan-Terengganu. Keterangan Pacakan sebagai sempadan, lihat Mohd. Salleh bin Hj. Awang (MISBAHA-Haji), **Sejarah Trengganu**, Trengganu, Mansor Printing Press, 1968, hal. 8.

46. Hasil temubual dengan Allahyarham Tan Seri Dato' Dr. Mubin Sheppard pada April 1992.

47. Permulaan campur tangan British di negeri Melayu sampai keperingkat menjajah setelah berlakunya perubahan dasar luar British dan juga desakan dari Negeri Selat. Campur tangan ke Perak dirintis oleh arahan Lord Kimberley bertarikh 20 September 1873. Lihat D. MacIntyre, "British's Intervention in Malaya: The Origin of Lord Kimberley's to Sir Andrew Clarke in 1873" **JSEAH**, Vol. 2, No. 3, Okt. 1963. 47-68.